

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 40 RABU 4HB. OKTOBER, 1972. 1392 رابو 25 شعبان PERCHUMA

KEMAKMORAN NEGARA DENGAN HASIL MINYAK PERLU DI-TAMBAH DENGAN SUMBER2 YANG LAIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sungguh pun Brunei makmor dengan hasil minyak-nya tetapi kemakmoran itu hendak-lah di-tambah dengan menchari sumber2 yang lain.

Brunei maseh mempunyai tanah yang luas yang belum di-teroka dan ia-nya ada-lah mustahak di-usahakan dengan giat-nya untok di-jadikan sumber rezeki dan saterus-nya memberikan sumbangan kepada ekonomi dan menambahkan hasil mahsol negara.

Demikian di-antara lain yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkiah di-malam kedua peraduan membacha Al-Quran perangkat negeri yang berlangsung di-lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin pada sabelah malam hari Sabtu lepas.

Pengusahaan tanah2 yang belum di-teroka itu, menurut Baginda, akan juga menjadi satu bidang memberi pekerjaan kepada tenaga2 muda yang akan dan telah meninggalkan bangku sekolah.

"Ini juga akan menambahkan usaha kebajikan laila munafaat dan menambah laila indah menitek beratkan usaha rajin untok negeri kita Brunei Darussalam yang mana raayat negeri akan menikmati-nya", titah Baginda.

Baginda berkeyakinan baha-wa dari usaha yang rajin laila tabah serta jujur yang di-redzai Tuhan itu dengan izin Allah akan "menjulok laba".

Baginda bertitah bahawa Kerajaan Baginda mempunyai pegawai2 yang berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang pertanian dan ternakan, maka kebolehan2 dan penga-laman2 mereka itu ada-lah di-sediakan untok berkhidmat kepada raayat dan penduduk negeri ini.

Baginda bertitah bahawa ke-perluan2 kita dalam bidang pertanian dan ternakan ada-lah merupakan perkara2 yang asasi.

Kebolehan2 dan penga-laman2 pegawai2 itu, titah Baginda, di-sediakan untok memimpin dan melatch raayat dan penduduk negeri ini yang benar2 berkechenderongan dan mahu berusaha dalam bidang tersebut, khas-nya bagi mereka yang ingin menjadikan pertanian dan ternakan sa-bagai sumber rezeki mereka.

Baginda menyeru pegawai2 pertanian dan ternakan supaya menyedari akan chita2 Baginda itu dan melipat-gandakan

(Lihat muka 8)



Duli Yang Maha Mulia ketika melafadzkan titah dalam majlis pertandingan membacha Quran pada malam Sabtu lepas. — Gambar JHEU/BP.

Terima kaseh dari D.Y.T.M. atas ucapan2 tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddi dengan amat sukachita menguchapkan berbanyak terima kaseh atas ucapan2 tahniah yang telah di-sampaikan kerana hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia itu pada 23hb. September, 1972 yang baru lalu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga berdo'a titah yang jujur laila niat yang tulus ikhlas mudah2an dengan izin Allah akan berlanjutan dan bertambah mesra, semoga ucapan dari hasrat hati tidak akan kendor menghalai kepada kebajikan.

Demikian menurut satu siaran akhbar yang di-keluarkan dari Istana oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

D.Y.M.M. berangkat ka-pangkalan AMDB

MUARA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-jadualkan berangkat ka-pangkalan laut pertama Askar Melayu Diraja di-Muara pagi hari ini untok menyaksikan pertunjukan menembakkan peluru berpandu jenis SS-12 yang baru saja di-lengkapkan kepada kapal KDB Pahlawan.

Turut bersama2 baginda menyaksikan pertunjukan itu nanti ia-

Qualiti jiwa raayat mustahak untok kemajuan negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kemajuan sa-sabua nega-ra bukan-lah di-pandang ha-nya dari segi material atau kebendaan, akan tetapi apa yang lebeh mustahak ia-lah qualiti jiwa raayat dan pendudok-nya.

Demikian menurut Penasehat Umum D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Laila U t a m a Awang Isa ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan peraduan membacha Al-Quran perangkat negeri pada sa-belah malam hari Jumaat lepas.

ka-pangkalan AMDB

lah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir dan Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Peluru berpandu jenis SS-12 itu boleh di-tembakkan dalam jarak sa-jauh tiga batu ka-arrah sasaran-nya dan boleh juga di-tembakkan semasa kapal belayar dengan laju-nya.

Di-Brunei, kata beliau, bu-kan sahaja terdapat kemak-moran yang di-kurniakan oleh Allah dengan usaha dan ke-bijaksanaan pimpinan Baginda Sultan, tetapi juga mempunyai masharakat yang berdisiplin yang taat setia kepada Sultan dan negara serta patoh kapa-da undang2.

"Keadaan2 ini dengan izin Allah jua, telah membawa kita semua kapada keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati sekarang", kata beliau.

Menyentuh akan perkem-bangan Ugama Islam, beliau berkata bahawa jika di-tinjau akan keadaan negara2 Islam dan jika di-ukor kemajuan-nya dari segi perangkaan mengenai pendapatan per-capita dan lain2 perangkaan yang biasa-nya di-hubungkan dengan ke-majuan, maka banyak dari para ekonomis akan menyata-kan bahawa negara2 Islam ada-lah termasuk di-dalam gulungan negara2 yang maseh membangun.

(Lihat muka 8)

D.Y.M.M. menyeru rakyat supaya berusaha dalam bidang pertanian

ALHAMDULILAH shukor ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala di-atas limpah kurnia-Nya kepada kita, selawat serta salam kepada junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta sahabat2 dan pengikut2 baginda yang setia dan senentiasa berjalan menurut laila patuh mematohi ajaran2-nya.

Beta sangat-lah berbesar hati jika beta mengetahui bahawa rakyat penduduk dan laila isi dalam negeri ini yang menganut Ugama Islam benar2 memfahami bahawa Islam yakni Ugama Islam di-negeri kita Brunei Darus-salam ada-lah ugama suchi dari segi hakikat dasar pada sa-tiap orang yang ugama-nya Islam dan bukan berchorak dan tidak dapat dirasok oleh siasah keduniaan. Beta perchaya sa-telah laila rayat beta yang di-kasehi yang mempunyai fahaman pegangan bahawa Ugama Islam tidak menggalakkan perbuatan jahat atau berbuat atau membuat kejahatan pada membalas budi baik ada-lah di-suroh dari segi ugama dengan tidak memileh bangsa dan ugama. Sebagai madah laila gurindam titekan dakwat nukilan kalam, dari sejak ugama telah bersulam, berterus-terang sebutan kalam ugama menggalakkan dan menyuroh rajin berusaha ka-arrah kebajikan pada melaksanakannya usaha kebajikan, anggap-lah diri kita tidak akan mati sa-lama-nya dan pada mengusahakan atau memberatkan amal yang salah sumpama-nya mengenang jasa, pertolongan baik dan budi baik elok bersegera pada membalas-nya serta anggap diri kita sa-olah2 akan mati esok.

Islam saperti beta sebutkan akan menjadi pendurong yang kuat untuk kita berusaha ka-arrah mencapai laila kemajuan2 dalam segenap bidang untuk meninggikan taraf hidup rakyat negeri ini dengan dipandu oleh suatu tujuan ia-itu bagi mencapai keredzaan Allah. Salah suatu kemajuan yang patut kita chapai dengan pesat-nya sekarang ini ia-lah di-bidang kesihatan, pelajaran dan asas-nya pada mengutamakan ada-lah aula chintakan keselamatan, aman laila tenteram dan sukakan hidup berbahagia, mewah laila makmor hasil dari usaha tekun laila tabah dan jujur yang di-redzai Allah Subhanahu-Wataala.

Pertanian dan ternakan kerana apa yang beta alami ba-

Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Beginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam Majlis Penyampai-an Hadiah Pertandingan Membacha Quran Perengkat Negeri yang telah diadakan di-lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada 30hb. September, 1972.



hawa kehendak2 dan keperluan2 kita dalam bidang tersebut merupakan perkara2 yang asasi yakni laila panduan kerana Allah. Brunei maseh mempunyai tanah yang luas yang belum di-teroka atau belum di-usahakan, maka tanah2 yang sa-demikian ada-lah mustahak di-kerjakan dan di-usahakan dengan giat-nya untuk di-jadikan sumber rezeki bukan sahaja untuk atau sebagai bidang memberi pekerjaan kepada tenaga2 muda yang telah meninggalkan bangku sekolah atau yang akan meninggalkan bangku sekolah bahkan ia juga boleh memberikan sumbangan kepada ekonomi negeri ini dengan pengeluaran hasil2-nya bagi menampung atau memenuhi kehendak2 dan keperluan2 kita untuk menambahkan hasil mashol, menambahkan usaha kebajikan laila munafat dan menambah laila indah menitek-beratkan usaha rajin untuk negeri kita Brunei Darus-salam yang mana rakyat negeri akan menikmati-nya. Sebagai misal menurut orang tua2 usaha yang rajin laila tabah serta jujur yang di-redzai Tuhan dengan izin Allah menjulok laba.

Sungguh pun negeri kita sekarang ini makmor kerana hasil minyak yang di-kurniakan Allah kepada kita tetapi kita sangat-lah perlu dan sangat-lah berkehendak supaya kemakmoran itu bukan sahaja di-sumbangkan oleh hasil minyak bahkan hendak-lah juga di-chari sumber2 lain baei menampung dan memenuhi kehendak2 kita untuk berikhtiar bersunegoh2 berusaha mencari rahmat kurnia Allah yang di-churahkan-Nya di-negeri kita Brunei Darus-salam ini. Kita bermohon kepada Allah akan menambah dan menchurahkan rahmat kurnia, kemewahan laila makmor, aman dan tenteram laila subur.

Kerajaan beta mempunyai pegawai2 yang berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang pertanian dan ternakan, maka kebolehan2 dan pengalaman2 mereka itu ada-lah disediakan untuk berkhidmat kepada rakyat dan penduduk negeri ini. Kebolehan2 dan pengalaman2 mereka itu disediakan untuk memimpin dan melateh rakyat dan penduduk negeri ini yang benar2 berkechendorongan dan mahu berusaha dalam bidang tersebut khas-nya bagi mereka yang ingin menjadikan pertanian dan ternakan sa-bagai sumber rezeki mereka.

Maka di-sini beta menyeru kepada pegawai2 kerajaan beta khas-nya dalam bahagian pertanian berchuchok tanam dan ternakan dengan jalan pesawat hendak-lah menyedari chita2 beta ini dan berusaha dengan giat-nya dengan tidak kendor2-nya bagi memberikan khidmat untuk rakyat negeri ini. Pegawai2 atau pekah2 yang berkenaan di-tiap jabatan kerajaan beta yang berkenaan temui-lah rakyat di-kampung2 dan pedalaman, beri-lah mereka nasihat tunjuk-lah kepada mereka chara bertani atau berkebun2-an. Pertemuan yang sa-demikian yang selalu di-adakan ada-lah di-perchayai boleh memberi sumbangan ka-arrah kemajuan2 di-bidang pertanian dan ternakan sa-bagaimana yang di-chita2kan.

Beta akan berbesar hati melihat hasil pertanian dari titek peloh usaha rakyat beta demikian juga hasil ternakan dan usaha rakyat penduduk beta yang bersunegoh2 dan berfaedah. Beta berbesar hati apabila hasil tersebut terbit dari fikiran yang waras untuk menampung hasil pendapatan yang benar2 bagi atau sa-bagai apa yang di-kehendaki bagi keperluan negeri dan rakyat di-

redzai Tuhan kerana Allah guna-nya pada mengharumkan nama baik dan melambangkan terasol Negeri Brunei Darus-salam.

Kemajuan yang beta hasratkan dalam segi pertanian dan ternakan ini hendak-lah di-sedari bahkan ia-nya di-suroh oleh ugama kita ia-itu Ugama Islam yang suchi yang mana Al-Quran itu di-antara lain mengandongi perkara2 yang berhubung dengan pertanian dan ternakan. Menuju ka-arrah menjadikan Islam di-jadikan sa-bagai ideologi negara mengandongi arti2 untuk berusaha mencapai kemajuan dan kemakmoran yang di-redzai oleh Allah.

Menyentuh peraduan membacha Al-Quran pada malam ini, maka beta berseru supaya rakyat dan penduduk negeri ini yang beragama Islam akan berusaha untuk mempelajari pembachaan Al-Quran menurut bacaan yang betul dengan tajwid utama, utama juga pada membetulkan huruf dan tertil-nya dan menyeru kepada mereka supaya berusaha untuk mempelajari dan mengetahui isi maksud Al-Quran itu sendiri yang mana usaha2 ka-arrah ini sedang berjalan dengan lancar-nya saperti yang di-atorakan perlaksanaan-nya oleh kerajaan beta ia-itu dalam menuju ka-arrah meniadikan Islam sa-bagai ideologi negara dan rakyat penduduk-nya yang menganut Ugama Islam di-Negeri Brunei ini.

Akhir-nya beta berdo'a ka-hadharat Allah semoga kerajaan beta akan berhasil dengan baik-nya untuk melaksanakan hasrat beta untuk kebajikan kerana Allah dan hasil itu akan dapat di-rasai oleh rakyat dan penduduk negeri ini, amin, sekian.

SEKARANG kita sedang berada dalam bulan Shaaban ia-itu bulan yang di-apit oleh bulan Rajab dan bulan Ramadhan yang mana mengenai ketiga2 bulan ini Baginda Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksud-nya:

Rajab itu bulan Allah Shaaban itu bulanku dan Ramadhan itu bulan umatku.

Oleh kerana bulan Shaaban itu telah di-tentukan sa-bagai bulan Nabi Mohammad s.a.w., maka elok benar-lah bagi umat Islam memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Baginda sa-bagaimana perintah Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

"Sesungguh-nya Allah ser-ta malaikat2-nya semua-nya memberi selawat atas Nabi Mohammad s.a.w., wahai orang2 yang beriman ucap-lah pula selawat serta salam ka-atas Baginda".

Sa-telah daripada kelebihan bulan Shaaban ia-lah ada-nya malam Nispu Shaaban yang juga di-sebut sa-bagai "lailatul mubarkah": arti-nya, malam yang memberi berkat, "lailatul bara-at": arti-nya, malam ke-lepasan daripada api neraka, "lailatul mag-firat": arti-nya, malam pengampunan dan "lailatul tafreeq": arti-nya, malam memberi tugas kepada ketua2 malaikat. Di-malam Nispu Shaaban itu-lah Allah Subha-nahu-Wataala meletakkan dan membahagikan tugas pentad-biranan alam ini kepada ma-laikat2 *Jebril, Mikael, Asrapil,*

BULAN SHAABAN ADA-LAH BULAN NABI MOHAMMAD



KHUTBAH JUMA'AT

"Shaaban mempunyai kelebihan2 yang tertentu yang mana umat Islam patut mengambil peluang untuk menambahkan amal ibadat dalam waktu-nya"

dan 'Azrael, sa-lama satu ta-hun berikut-nya.

Mengenai dengan kelebihan malam Nispu Shaaban itu, isteri Rasulullah s.a.w. Saidina Aishah r.a. pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pada suatu malam telah bangun bersembahyang serta memanjangkan waktu sujud-nya. Di-dalam sujud itu Sai-dina Aishah telah mendengar Baginda Rasulullah berdo'a:

"A'auzu bi-afweka min ega-bik, wa-a'auzu biri-dha-ka min saha-tek, wa-a'auzu bika minka elai'ek, la-oh-si-tana-an alai-ek, an-ta-kama an-na'ita 'ala nafsek."

Sa-telah selesai daripada sembahyang itu Rasulullah s.a.w. telah bersabda kepada Saidina Aishah antara lain yang bermaksud:

"Malam ini ia-lah malam Nispu Shaaban, Allah 'Azau waja-la memerhatikan ham-ba-nya pada malam Nispu Shaaban ini, maka di-am-punkan-nya orang2 yang memohonkan keampunan, di-chuchurkan-nya rahmat ka-atas orang2 yang memo-honkan rahmat dan di-biar-kan-nya orang2 yang dengki sa-bagaimana keadaan mere-ka".

Di-samping itu Rasulullah s.a.w. tidak pernah membiar-kan bulan Shaaban itu berlalu tanpa Baginda berpuasa di-dalam-nya. Pernah di-riwayat-

kan dari Asmah bin Zaid r.a.h., kata-nya saya telah ber-kata kepada Rasulullah: *"Saya tidak melihat tuan ber-puasa dalam mana2 bulan lain sa-bagaimana tuan berpuasa dalam bulan Shaaban".*

Baginda pun lalu bersabda yang bermaksud: *"Shaaban itu ada-lah bulan yang di-lupa-kan oleh manusia antara bulan Rajab dan Ramadhan, ia-nya ada-lah bulan dalam mana se-gala amalan2 di-angkat kap-da Tuhan sekalian alam, se-dangkan aku sangat ingin su-paya amalan2-ku di-angkat ke-tika aku berpuasa".*

Daripada riwayat2 yang kita sebutkan tadi nyata-lah baha-wa bulan Shaaban itu ada-lah mempunyai kelebihan2 yang tertentu yang mana umat Islam patut sangat-lah mengambil peluang untuk menambahkan amal ibadat mereka di-dalam-nya dengan harapan mudah2an Allah Subhanahu - Wataala akan senentiasa melindungi dan memberikan rahmat-Nya kepada kita.

Amalan2 sa-umpama mem-bacha yasin dengan niat2 yang tertentu dan membacha do'a Nispu Shaaban dan menjadi kebiasaan bagi sa-tengah2 umat Islam itu patut-lah men-dapat perhatian dari mereka2 yang belum biasa mengamal-kan-nya kerana perkara itu ada-lah juga termasuk amalan2 yang berfaedah lagi berkebaji-kan.

Pepereksaan trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan2 trengkas, me-naip, steno dan menyimpan buku kira2 aliran Melayu dan Ingeris akan di-adakan dalam bulan Disember hadapan

Pepereksaan itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari guru2 trengkas, menaip dan ilmu menyimpan buku kira2 atau dari Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa

Bagi trengkas perengkat per-mulaan di-kenakan bayaran \$10.00; perengkat menengah \$12.00 dan tertinggi \$15.00. Bagi pepereksaan menaip perengkat permulaan di-kenakan bayaran \$8.00; menengah \$10.00 dan tertinggi \$12.00 dan bagi kecheputan menaip perengkat menengah atau ter-tinggi bayaran-nya \$5.00. Bagi pepereksaan ilmu menyimpan buku kira2 perengkat permulaan \$10.00; menengah \$12.00 dan tertinggi \$15.00. Bagi steno perengkat junior \$12.00 dan senior \$15.00.

Pepereksaan menaip akan di-langsungkan pada 15hb. Disember,

trengkas pada 17hb. Disember, steno dan ilmu menyimpan buku kira2 pada 22hb. Disember.

Hanya pelajar2 trengkas dan menaip di-kelas2 dewasa yang telah menunjukkan kedatangan-nya yang memuaskan dan di-sokong oleh guru2 mereka di-bolehkan mema-soki pepereksaan itu.

Borang2 bersama wang bayaran masuk hendak-lah di-hantarkan ti-dak lewat dari 5hb. Oktober ini.

Pengarah DBP akan merasmikan peraduan membacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pust-taka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri akan merasmikan peraduan membacha kitab suci Al-Quran anjoran Persatuan Ikatan Setia Pahlawan — INSAP — pada malam esok mulai jam 7.30 malam.

Peraduan yang merupakan pro-jek tahunan persatuan itu akan di-adakan sa-lama dua malam ber-turut2 5hb. dan 6hb. Oktober ber-tempat di-Dewan Persatuan INSAP di-Kampung Setia Pahlawan Lama.

Orang ramai khas-nya pendu-dok2 kampung di-sekitar Kampong Ayer ada-lah di-persilakan hadir menyaksikan peraduan tersebut.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4hb. Oktober, 1972 hingga ka-hari Selasa 10hb. Oktober, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
4hb.Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
5hb.Okt.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
6hb.Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
7hb.Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
8hb.Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
9hb.Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06
10hb.Okt.	12-14	3-32	6-13	7-30	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(4hb. Oktober, 1972.)

BRUNEI MASEH PUNYAI TANAH LUAS YANG BELUM DI-TEROKA

SUNGGOH pun negeri kita sekarang ini makmur kerana hasil minyak yang di-kur-niakan Allah kepada kita, tetapi kita sangat-lah perlu dan sangat-lah berkehendak supaya kemakmoran itu bukan sahaja di-sumbangkan oleh hasil minyak bahkan hendak-lah juga di-chari sumber2 lain bagi menampung dan memenuhi kehendak2 kita untuk berkhidmat bersungguh2 berusaha mencari rahmat kurnia Allah yang di-churahkan-Nya di-negeri kita Brunei Darussalam ini.

Brunei maseh mempunyai tanah yang luas belum di-teroka atau belum di-usahakan, maka tanah2 yang sa-demikian ada-lah mustahak di-kerjakan dan di-usahakan dengan giatnya untuk di-jadikan sumber rezeki bukan sahaja untuk atau sa-bagai bidang memberi pekerjaan kepada tenaga2 muda yang telah dan akan mening-galkan bangku sekolah, bahkan ia-nya boleh memberikan sum-bangan kepada ekonomi ne-geri ini dengan pengeluaran hasil2 pertanian bagi menam-pung keperluan2 kita untuk menambahkan hasil mahsol ne-gara.

Dua para saranan di-atas ada-lah dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dalam hubungan itu, Baginda juga menumpukan titah itu kepada Pegawai2 Pertanian dengan meniadakan sunya mereka itu melipat-gandakan usaha dalam meluaskan bidang pertanian ini dengan kesan yang mendalam dan lebeh menarek perhatian rakyat supaya berkecenderungan dan dengan tekak yang tidak akan terombak dalam bidang pertanian sa-chara besar2an seperti mana yang di-hasratkan Baginda itu.

Saperti mana yang di-titahkan Baginda bahawa Kerajaan Baginda mempunyai pegawai2 yang berkebolehan dan ber-pengalaman dalam bidang pertanian dan ternakan dan mereka itu di-sediakan untuk memimpin dan melateh rakyat dan penduduk negeri ini, khasnya bagi mereka yang ingin menjadikan pertanian dan ternakan sa-bagai sumber rezeki mereka.

Dari titah itu, ternyata ti-dak dapat di-sangkal lagi ba-hawa Brunei tidak harus mem-biarkan diri-nya bersandar ka-pada hasil minyak, tetapi juga dari hasil2 yang lain saperti pertanian dan ternakan.

Hutan2 di-sekeliling Brunei ini ada-lah perlu di-teroka de-ngan segera dan di-isikan sege-ra sa-luas mana yang dapat. Menuju ka-arrah ini sudah ten-tu memerlukan tenaga yang berlipat-ganda dan di-salurkan melalui chara2 yang munasa-bah dan menjimatkan. Harus lebeh ramai lagi rakyat akan turut sama menjayakan hasrat Baginda itu jika mereka di-undang menurut sistem yang menggalakkan, apa lagi sem-kin ramai-nya yang tidak mem-punyai pekerjaan. Dari meng-anggor ada-lah lebeh baik bekerja dan kerana itu di-ya-kini akan ramai rakyat yang bersedia menyahut dan men-dukung chita2 Baginda itu.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah di-majlis penyampaian hadiah kepada pemenang2 pertandingan membacha Quran perengkat negeri yang telah berlangsung di-lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas. — Gambar JHEU/BP.



Pertandingan Membacha Quran Perengkat Negeri kali ke-14



Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Awang Dato Seri Laila Utama Awang Isa berucap sa-jurus sa-belum merasmikan Pertandingan Mem-bacha Quran Perengkat Negeri kali yang ke-14 pada hari Sabtu yang lalu — Gambar JHEU/BP.

Duli Yang Maha Mulia sedang menyampaikan perisai kehormatan kepada johan qari pada tahun 1972, Awang Haji Mohd bin Awang Damit.

Pengetua Pegawai Jawatan Hal Ehwal Ugama, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Raja Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd. Zain menyampaikan ucapan alu2an di-pertandingan mem-bacha Quran perengkat negeri yang telah berlangsung pada 29hb. September yang lalu. — Gambar JHEU/BP.



Daerah Brunei/Muara di-pilih sa-bagai daerah terbaik

AWANG Haji Mohd bin Awang Damit dan Dayang Hajjah Aminah binte Siling, kedua2-nya wakil Daerah Brunei/Muara telah berjaya menjadi johan dalam peraduan membacha kitab suci Al-Quran perengkat se-luruh negeri kali ke-14 yang telah ber-langsung di-lagoon Mesjid Omar Ali Saifud-din Bandar Seri Begawan pada 29hb. dan 30hb. September yang lalu.

Awang Haji Mohd bin Awang Damit yang juga menjadi johan pada tahun 1965/66, telah mendapat mar-kah 89 peratus. Dayang Hajjah Aminah yang pernah menjadi johan dalam ta-hun 1965/66, telah mendapat markah 82 pe-ratus.

Awang Mornie Sanai, wakil dari Dae-rah Belait telah menjadi naib-johan dalam bahagian lelaki dan pemenang ketiga ia-lah Awang Nor bin Haji Arshad, wakil dari Daerah Tembung.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan membacha Quran perengkat negeri yang telah di-adakan di-Bandar Seri Begawan pada 29hb. dan 30hb. September yang lalu. Dayang Hajjah Ami-nah juga telah menjadi johan dalam tahun 1965/66.

Naib-johan dalam bahagian perempuan telah di-menangi oleh Dayangku Khadzah binte Pengiran Umar, wakil dari Daerah Be-lait dan Dayang Buntar binte Awang Besar, wakil Daerah Brunei-Muara mendapat tempat ketiga.

Daerah Brunei-Muara telah di-pilih sa-bagai daerah yang terbaik dalam pertandingan tersebut dengan mendapat 83.2 peratus.

Sa-ramai 14 orang peserta, termasuk lima orang peserta perempuan yang mewakili ke-empat2 daerah di-negeri ini telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang di-adakan sa-lama dua malam berturut2 itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Bru-nei telah berkenan menyampaikan hadiah2 dan sijil2 kenang2an kepada peserta2 yang berjaya dan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Di-samping menenangi perisai dan lain2 hadiah, johan dan naib-johan qari serta johan qariah pada tahun ini akan di-pilih untuk me-wakili Negeri Brunei ka-pertandingan mem-bacha kitab suci Al-Quran Perengkat Antara Bangsa yang akan di-adakan di-Kuala Lum-pur dari 26hb. hingga 29hb. Oktober ini.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dengan di-iringi oleh Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Daam Istana Pg. Haji Mokhtar Puteh dan Setia Usaha J.E.H.U., Awang Haji Abdullah bin Metassan, berangkat tiba ka-majlis pe-nyampaian hadiah kepada pemenang2 pertandingan membacha Quran pada hari Sabtu lepas.



Tujuh dari sembilan orang peserta lelaki yang mewakili semua daerah di-negeri ini ka-pertandingan membacha Quran perengkat negeri yang telah di-adakan sa-lama dua malam berturut2.



Qariah2 yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan mem-bacha Quran perengkat negeri yang telah di-adakan pada minggu lalu.

MENGAPA "MENUJU KA-ARAH MENJADIKAN ISLAM SA-BAGAI IDEOLOGI NEGARA SA-BAGAIMANA YANG DI-TITAHKAN" DI-BINCHANGKAN

PADA 2hb. Ogos, 1969 bertem-pat di-bangunan Persekutuan Guru2 dalam majlis Istiadat sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan anjoran Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Baginda telah bertitah antara lain seperti berikut:

'Beta kerap kali menegas-kan dan berchita2 supaya laila penuntut2 menumpu-kan tenaga dan usaha bagi menuju dan melaksanakan Islam sa-bagai satu Ideologi Negara'.

Rangkai kata Islam di-jadikan sa-bagai Ideologi Negara sering di-sebut2 dan di-serukan oleh pem-besar2 negara ini dan sering raayat di-seru supaya memahami akan maksud rangkai kata itu serta di-seru supaya bersama2 dengan Ke-rajaan untuk melaksanakan-nya.

Pada malam ini kita akan men-dengar buah2 fikiran daripada para peserta forum mengenai de-ngan hasrat untuk menjadikan Is-lam sa-bagai Ideologi Negara itu dengan mengambil sempena yang bersejarah, ia-itu peristiwa Isra' dan Me'raj.

Tajok forum kita berbunyi 'Me-nuju Ka-arrah Menjadikan Islam Sa-bagai Ideologi Negara Sa-bagai-mana Yang Di-Titahkan', maka sa-bagai merintis jalan ada baik-nya juga kita mengenali beberapa patah perkataan dalam tajok itu dari segi ma'ana-nya menurut ba-hasa yang terdapat di-dalam ka-mus.

Menurut kamus Dewan Ideologi berm'a'na fahaman (ajaran) yang di-pakai atau yang di-chitahkan un-tuk dasar pemerintah dan lain2.

Negara menurut kamus Dewan berm'a'na suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan di-perintah oleh sa-buah Kerajaan; kawasan yang di-bawah kekuasaan Kerajaan yang tertentu.

Menjadikan berm'a'na membuat, menggunakan, menyebabkan, me-nimbulkan; menchiptakan melahir-kan meujudkan.

Padi-nya pada malam ini kita akan membincangkan satu tajok yang amat besar yang bersangkutan paut sechra langsung berhubung dengan fahaman dan ajaran yang di-pakai atau yang di-chitahkan un-tuk di-jadikan dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia di-negara Bru-nei Darussalam ini.

Mengapa perkara ini kita bin-changkan, sa-benar-nya perkara ini menyentoh kehidupan raayat dan penduduk negeri ini, ia perlu di-huraikan sechra terbuka dan sechra ilmiah, maka dalam me-laksanakan-nya ada-lah mustahak pegawai2 Kerajaan mengetahui chita2 dan dasar pemerintahan Ke-rajaan Duli Yang Maha Mulia, dan supaya mereka menurut ajaran2 dan dasar tersebut, dan supaya mereka tidak akan melakukan per-

Oleh Y.B. Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Uga-ma, Brunei ketika merasmikan forum "menuju ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai ideologi negara sa-bagaimana yang di-titahkan" di-De-wan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Bandar Seri Begawan pada 7hb. September, 1972.

kara2 yang bertentangan dengan ajaran dan chita2 tersebut, dan su-paya mereka tidak akan menyala-ling dari pada dasar dan chita2 itu, demikian-lah juga keadaan-nya dengan raayat dan penduduk di-negeri ini.

Dari segi Perlembagaan per-kara ini telah di-etakkan asas-nya seperti berikut:

Pertama — Ugama Rasmi bagi negeri ini ia-lah Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jama'ah seperti kehendak bab (3) (1).

Kedua — Menteri Besar, Tim-balan Menteri Besar dan Setia Usaha Kerajaan di-sharatkan hendak-lah ia orang Melayu yang beragama Islam mengikut Mazhad Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

Dari segi pemashhoran mengang-kat raja dan melantek pemang-ku raja 1959 bahawa orang yang ber-hak di-pileh bagi menggantikan Sultan hendak-lah memelok Ugama Islam menurut bab (4) (1), dan Majlis Mashuarat Mengangkat Raja akan mengandongi di-antara lain enam orang ahli dari Majlis Mashuarat Ugama yang di-lantek oleh Sultan menurut bab (6) che-raian (2).

Dari segi Undang2, satu Un-dang2 yang di-namakan Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah2 Kadzi 1955 telah membentok sa-buah Majlis yang di-namakan Ma-jlis Mashuarat Ugama Islam me-nurut bab (5), Majlis ini mempun-yai kuasa untuk menolong dan menasihatkan Duli Yang Maha Mulia dalam segala yang berken-an dengan Ugama negeri ini me-nurut bab (38).

Dengan menyentoh kedudukan Ugama Islam dari segi Perlemba-gaan, dan Pemashhoran Mengang-kat Raja dan Melantek Pemang-kuku Raja serta dari segi Undang2, saya berfikir perkara ini boleh di-jadikan pegangan yang kuat da-lam menui ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai Ideologi Negara itu.

Masa'alay yang paling utama ia-lah Islam itu sendiri dari segi pen-duduk dan raayat negeri ini menge-nali-nya, mengetahui-nya, memper-chayai-nya dan melaksanakan-nya.

Islam sa-bagai Ideologi Negara tidak akan dapat di-laksanakan de-

ngan sempurna-nya jika orang2 yang bertanggung jawab untuk me-laksanakan-nya itu tidak mempun-yai semangat keislaman, tidak mengenali-nya, tidak mengetahui-nya, tidak memperchayai-nya dan tidak melaksanakan-nya.

Mengenali dan mengetahui Islam ada-lah menjadi kewajiban kepada pegawai2 Kerajaan yang bertanggung jawab untuk melaksanakan Ideologi Negara, menjadi kewajiban kepada raayat yang mendokong dan bersama2 melaksanakan Ideo-logi Negara itu, dan menjadi ke-wajiban kepada penduduk negeri ini sa-bagai orang yang ingin ber-lindung di-bawah panji2 Ideologi Negara.

Ta'at setia bukan-lah hanya se-but2an bahkan ia terpanchar da-lam perbuatan dan perkataan yang di-selesai oleh kejujoran, bagai-mana-kah ini boleh berlaku jika Ideologi Negara di-ragu2kan.

Dalam pada itu ada-lah di-se-dari keraguan2 boleh timbul dari be-rbagai2 puncha, puncha yang utama ia-lah kejahilan, kejahilan boleh di-basmi dengan mempelajari apa yang tidak di-ketahui itu, tetapi membiarkan diri dalam kejahilan sedangkan kejahilan itu samesti-nya di-hapuskan, ada-lah merupa-kan suatu sikap yang meletakkan diri dalam keadaan yang senantiasa ragu2 dan boleh pula di-ragu2kan.

Keraguan2 boleh juga timbul dari pengaruh yang di-bawa oleh pemikiran dan pendapat2 yang membahaskan ajaran2 Islam yang mana bahasan itu mengelirukan dan tidak menepati kehendak2 ajaran Ugama Islam yang sabenar-nya. Terutama-nya bagi mereka yang kurang mempunyai asas yang sabenar-nya dalam Ugama Islam itu.

Keraguan2 ini boleh menimbulkan akibat2 yang tidak sihat da-lam melaksanakan Ideologi Negara, kerana bagaimana-kah sa-seorang boleh membuat sa-suatu pekerjaan dengan sempurna-nya jika ia ragu2 mengenai-nya. Keraguan2 ini ka-dang2 menimbulkan masa'alay2 yang tidak sehat sa-hingga boleh menjadi duri di-dalam daging atau menjadi senjata yang menikam dari belakang.

Melaksanakan Ideologi Negara hendak-lah di-lakukan sechra ber-sama2. Kalau dapat di-misalkan

sa-bagai perbandingan biar-lah kita ambil satu pasokan orchestra yang mahu membawakan sa-buah lagu samalindang dengan irama perlahan, tetapi orchestra itu tidak akan berjaya dengan sempurna-nya dalam mempersembahkan lagu samalindang itu dalam rentak yang di-tetapkan jika sa-bahagian dari-pada anggota orchestra itu main-kan rentak yang sumbang, dan ma-lang akan menimpa jika pemain dalam orchestra itu ragu2 mengenai dengan rentak yang akan di-laku-kan-nya, dan lebih malang lagi jika sa-bahagian dari anggota or-chestra itu jahil mengenai dengan lagu dan rentak tersebut.

Perlaksanaan mustahak di-laku-kan beramai2 di-jalin oleh persa-fahaman dan saling mengerti, te-tapi jika tidak ada persafahaman maka akan terdengar-lah lagu2 yang sumbang, suara2 yang men-chabab, suara2 yang ingin memo-mok-momokkan dan yang sa-umpama-nya ini di-timbulkan oleh kejahilan, oleh keraguan dan yang saumpama-nya pada hal kejahilan dan keraguan boleh di-iktirakan bagi menghilangkan-nya jika ada kemahuan dan kejujuran, atau pun suara2 sumbang itu boleh meng-akibatkan seperti kata orang tua2 'lambat buaya ayeng melemaskan'.

Jadi-nya menuju ka-arrah men-jadikan Islam sa-bagai Ideologi Negara di-bumi Brunei Darussa-lam ini ada-lah menjadi tanggung jawab bersama, tanggung jawab pembesar2 negara seluruh-nya, tanggung jawab pegawai2 Kerajaan seluruh-nya, tanggung jawab raayat dan penduduk negeri ini seluruh-nya bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia dan bagi mem-peraktikkan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi dan ta'at setia yang tidak menais walau sedikit pun.

Dengan ucapan saya ini saya berharap orang2 yang bukan ber-ugama Islam tidak akan menyalah artikan bahkan mereka ada-lah di-jamin oleh Perlembagaan dengan kebebasan mereka mengamalkan ugama mereka dengan aman dan sempurna di-negeri ini, walau ba-baimana pun jika mereka ingin memelok Ugama Islam perkara itu ada-lah sangat2 di-alu2kan.

Jabatan Hal Ehwal Ugama de-ngan menganjorkan forum yang bertajok ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai Ideologi Negara sa-bagai-mana yang di-titahkan ini ada-lah sa-bagai membuka jalan supaya ra-ayat dan penduduk negeri ini men-dapat gambaran mengenai-nya, ber-dasarkan pendapat2 dan pandang-an2 beberapa orang yang menghaj-i di-jemput untuk memperkatakan-nya, biar-lah gambaran2 itu jelas, gambaran2 itu di-fikirkan lagi, di-bahaskan lagi sechra terbuka su-paya ia sehati dan merasok.

Insha Allah bagi mendukung hasrat Duli Yang Maha Mulia yang suchi itu Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menyusul-nya dengan usaha2 selanjut-nya khas-nya bagi maksud mencari pendapat2, buah2 fikiran, dan panduan2 untuk mengatur chara2 dan ranchangan2 yang peraktik bagi menchapai maksud Islam di-jadikan Ideologi Negara itu.

Kita sedang menuju ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai Ideologi Negara, maka masa'alay yang pal-ing utama ia-lah bagaimana chara-nya kita menchapai chita2 tersebut, masa'alay ini perlu ka-pada buah2 fikiran dan pandang-an2, saya perchaya forum menge-nai dengan tajok ini akan dapat memchari sedikit sa-banyak sum-bangan ka-arrah itu dan Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengkaji sumbangan2 tersebut untuk di-jadi-kan panduan dan sa-bagai asas2 pemikiran selanjut-nya.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei

SURAT KUASA PESAKA

No. 43/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Elizabeth Merah Brodie nee Merah Tan, d/a Ronald Brodie, Engineering Dept., B.S.P. Co. Ltd., Seria kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Gubar anak Janting yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak tiri perempuan kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-Kuala Belait pada 3 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan September, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 44/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Kunyan anak Saging, d/a Penghulu Kana anak Mudin, Mukim, Melilas, Ulu Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sumping anak Simpurai yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 3 haribulan

Oktober, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan September, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 45/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Maimunah binte Badar, d/a Tisah binte Wahid, No. 156-A, Jalan Bendahari, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Wahid bin Murah @ Wahid bin Ayub yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 3 haribulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan September, 1972.

MD. ALI BIN DAUD,
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER, ADMINISTRATION SUIT No. 32 OF 1972.

Application to this Court having been made by Madan Wong Thin of No. 118, Kampong China, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Hong Chok Hiong late of Seria, Brunei deceased on the ground that applicant is lawful mother of the deceased.

Notice is hereby give that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 3rd day of October, 1972, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any

interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any persons wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 20th day of September, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

Jawatan2 Kosong

SA-BAGAI AHLI BOMBA PELATEH DI-JABATAN PASOKAN BOMBA

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk menohi jawatan2 sa-bagai Ahli Bomba Pelateh di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inchi.
- Pelajaran — sa-seorang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut di-atas hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Sekolah Melayu atau darjah yang sa-banding di-sekolah2 Inggeris atau lain2 sekolah.

Kesihatan:

Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.

Menjalankan Tugas2:

Chalu2 yang berjaya apabila di-daftarkan ada-lah di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Gaji:

Mulai dari \$220.00 sa-bulan dan sa-lepas berkhidmat sa-lama 6 bulan dengan memuaskan chalu2 yang di-pileh akan di-naikkan pangkat menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua dengan gaji sa-banyak \$230.00 sa-bulan gaji sa-bekalan gaji \$230x5-265.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Pengambilan orang2 baru ini akan di-adakan di-Seria dan Bandar Seri Begawan, Brunei seperti yang berikut:-

- Pemohon2 daripada Kuala Belait dan Seria ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Pusat Bomba Seria (Seria Fire Post) pada masa hari bekerja ia-itu hari Isnin 16hb. Oktober, 1972 (satu hari sahaja).
- Pemohon2 daripada Bandar Seri Begawan, Muara, Tutong dan Temburong ada-lah di-minta hadir di-tempat pengambilan orang2 baru di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba, Bandar Seri Begawan di-masa hari bekerja sa-lama dua hari mulai dari hari Selasa hingga hari Rabu ia-itu 17hb. dan 18hb. Oktober, 1972.

Chalu2 hendak-lah membawa bersama2 mereka Sijil2 Beranak, Sijil Pelajaran dan Kad2 Pengenal sa-masa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang di-kehendaki seperti di-atas di-minta mengahdhi kumpulan pengambilan tersebut.

Ujian Bertulis:

Chalu2 yang lulus ujian2 permulaan akan di-uji lagi dengan siapa2 yang gagal dalam ujian ini tidak akan di-sokong untuk jawatan tersebut.

Sa-bagai Pemereksa

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk menohi jawatan sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan mempunyai kelulusan yang baik dalam mata pelajaran kira2. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari audit atau accountancy.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$250x10-290 x 15-380/EXAM/410 x 20-450/EB/

470x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantarkan permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 14hb. Oktober, 1972.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



Pegawai2 kerajaan di seru melawat ka-kg. pendalaman

(Dari muka 1)

usaha dengan tidak kendor2-nya memberikan khidmat untuk raayat negeri ini.

Baginda juga menyeru mereka dan pehak2 yang berkenaan dalam tiap2 jabatan Kerajaan Baginda untuk menemui raayat di-kampung2 dan pendalaman bagi memberikan nasehat dan tunjuk ajar akan chara2 bertani atau berkebun.

"Pertemuan yang sa-demikian yang selalu di-adakan ada-lah di-perchayai boleh memberi sumbangan ka-arrah kemajuan2 di-bidang pertanian dan ingatan sa-bagaimana yang di-chita2kan", titah Baginda.

Baginda menekankan bahawa Baginda ada-lah berbesar hati melihat hasil pertanian dari titik peloh usaha raayat Baginda, demikian juga hasil ternakan dan usaha raayat Baginda yang bersungguh2 dan berfaedah.

Baginda akan lebih berbesar hati lagi apabila hasil tersebut terbit dari fikiran yang waras untuk menampung hasil pendapatan yang di-kehendaki bagi keperluan negeri dan raayat.

"Kemajuan yang beta hasratkan dalam segi pertanian dan ternakan ini hendak-lah di-sedari bahkan ia-nya di-suruh oleh ugama kita ia-itu Ugama Islam yang suci yang Al-Quran itu di-antara lain mengandungi perkara2 yang berhubung dengan pertanian dan ternakan", titah Baginda.

Baginda juga bertitah bahawa menuju ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai ideologi negara ada-lah mengandungi arti2 untuk berusaha menchapai kemaiuan dan kemakmoran yang di-redzai oleh Allah.

Menyentuh akan peraduan membacah Al-Quran itu, Baginda menyeru umat Islam di-negeri ini supaya berusaha untuk mempelajari pembacahan Al-Quran yang betul dan saterus-nya berusaha mempelajari dan mengetahui isi maksud Al-Quran itu sendiri.

Usaha2 ka-arrah itu, titah Baginda, sedang berjalan dengan lancar-nya saperti yang di-ator pelaksanaan-nya oleh Kerajaan Baginda ia-itu dalam menuju ka-arrah menjadikan Islam sa-bagai ideologi negara.

Baginda berdo'a semoga Kerajaan Baginda akan berhasil dengan baik-nya untuk melaksanakan hasrat Baginda untuk kebaikan dan hasil itu akan dapat di-rasai oleh raayat.

(Titah Baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 2.)



Y.B. Awang Haji Abdul Aziz ketika berucap sa-belum merasmikan pertunjukan pertanian di-Kilanas.

23 di-pileh ka-Sekolah Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 23 orang termasuk 6 orang murid perempuan dari sekolah2 ugama sa-Negeri Brunei telah terpilih memasoki Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah/Raja Isteri Anak Damit bagi tahun 1973.

Mereka itu ia-lah: Bahagian laki2: Omar bin Tahir dari Sekolah Ugama Lumapas; Puasa bin Haji Jumat dari Sekolah Ugama Puduk; Abdul Aziz bin Haji Yusof dari Sekolah Ugama Batu Apoi; Abdul Aziz bin Shamsuddin dari Sekolah Ugama Bangkurong; Abdul Razak bin Shamsuddin dari Sekolah Ugama Kiarong; Md. Taha bin Kassim dari Sekolah Ugama Mohammad Alam. Seria; Hassan bin Ahmad dari Sekolah Ugama Sungai Liang.

Ahmad bin Untong dari Sekolah Ugama Batu Apoi; Ak. Bahrum bin Pengiran Bahar dari Sekolah Ugama Bendahara Sakam.

Bunut; Masri bin Sapar dari Sekolah Ugama Puduk; Alias bin Ghafar dari Sekolah Ugama Bangkurong; Kamis bin Md. Yusof dari Sekolah Ugama Batu Apoi; Md. Jazlan bin Haji Ishak dari Sekolah Ugama Bendahara Sakam, Bunut; Sahar bin Laman dari Sekolah Ugama Pantai Giam, Beribi, Rosli bin Amir dari Sekolah Ugama Puduk; dan Mahadin bin Mohiddin dari Sekolah Ugama Labi.

Bahagian perempuan: Jama'iah binte Haji Abdul Manaf dari Sekolah Ugama Madrasah Petang, B.S.B.; Siti Azizah binte Musa dari Sekolah Ugama Mulaut; Siti Zaleha binte Abu Salim dari Madrasah Petang, B.S.B.; Timah binte Rabah dari Sekolah Ugama Mulaut; Norjina binte Buntar dari Sekolah Ugama Puduk; dan Dayang Rafeah binte Momin dari Sekolah Bendahara Sakam, Bunut.

Islam boleh di-jadikan satu faktor positif

(Dari muka 1)

"Dan, dari perangkaan2 itu mungkin ada anasir2 yang ingin memperkecilkan Ugama Islam dengan menghubongkannya dengan kemunduran2 yang di-dapati di-beberapa buah negara2 Islam", kata beliau.

Akan tetapi, kata-nya, jika kita teliti sechra mendalam, maka akan di-dapati banyak masyarakat dan golongan Islam di-merata dunia ini yang merupakan masyarakat yang maju yang mana asas kemajuannya ada-lah kehidupan berdisiplin yang berpuncha dari ajaran2 Ugama Islam yang mereka anuti.

Dari hasil menelitian itu, maka beliau mensifatkan nilai-an yang memperkecilkan Ugama Islam dengan menghubongkan kemunduran2 yang di-alamai oleh beberapa buah negara Islam itu ada-lah merupakan nilai-an yang semata2 palsu.

Berucap tentang Ugama Islam dan Negeri Brunei, beliau berkata bahawa kita yang berugama Islam tentu mempunyai kevakinan yang Ugama Islam boleh menjadi satu fak-

tor yang positif dalam pembangunan negara kita.

Apa yang mesti kita usahakan sekarang, kata-nya, bukan sahaja penyibaran ajaran2 Ugama Islam dengan sa-luas2-nya, tetapi kita juga mesti hadapi bagaimana-kah kita sa-bagai satu masyarakat Islam akan dapat menggunakan Ugama Islam dalam usaha2 kita untuk menyalurkan tenaga2 Umat Islam ka-arrah pembangunan negara dalam semua lapangan kemajuan.

Untuk menjawab soalan itu, kata-nya ada-lah terletak bukan sahaja dalam tangan pemimpin2 ugama, akan tetapi dalam tangan semua umat Islam dalam negeri ini.

JUALAN LELONG

Dengan ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi sa-buah kereta jenis Ford Thames Trader Postal Van 800, bilangan daftar BG. 987 akan di-adakan di-kawasan Pejabat Pos Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei pada hari Sabtu 14hb. Oktober, 1972 jam 9.00 pagi.

Penangkap2 lelong yang berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan tunai dan saterus-

BEBERAPA KEMUDAHAN DI-SEDIAKAN UNTUK PELADANG2 — DATO HJ AZIZ

KILANAS. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz Umar berkata, pertunjukan pertanian hendak-lah jangan di-lupakan dengan senang atau pun di-sifatkan hanya sa-bagai hiburan.

Kata-nya, pertunjukan saperti itu yang mempamerkan hasil2 pertanian peladang hendak-lah merupakan satu contoh bagi menggalakkan mereka untuk berkerja dengan keras bagi faedah diri mereka sendiri.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan pertunjukan pertanian yang di-anjorkan bagi peladang2 di-Daerah Brunei, Muara yang telah di-adakan di-steshen pertanian Kilanas pada hari Sabtu lepas.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan senentiasa bersedia untuk membantu mereka dengan membena jalan2 yang menghubungkan sa-buah kampung ka-sebuah kampung dan juga dengan bandar.

Kata-nya, ini ia-lah untuk memudahkan peladang2 menghantar hasil2 pertanian mereka ka-bandar2.

Beliau berkata, kerajaan melalui Lembaga Bandaran telah juga menyediakan kemudahan2 yang lain saperti membena gerai2 di-Bandar Seri Begawan di-mana peladang2 di-seluruh negeri ini dapat menjual hasil2 mereka.

Dengan jalan itu, peladang2 mendapat keuntungan yang lebih dari hasil2 jualan mereka kerana tidak melalui orang2 tengah.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menyeru peladang2 supaya memberikan kerjasama mereka dan menggunakan sepenoh-nya kemudahan2 yang di-sediakan itu.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong

PEKAN BANGAR, TEMBURONG. — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Sapar sedang memangku jawatan Pegawai Daerah itu mulai 2hb. Oktober ia-itu hari Isnin lepas.

Pegawai Daerah itu, Awang Abdullah bin Haji Jaafar, mulai dari tarikh tersebut sedang berchuti dalam tempoh sa-lama 42 hari.

Jika kereta itu tidak di-pindahkan dalam tempoh yang di-tetapkan itu, wang yang telah di-bayar tidak boleh di-tebus bales dan kereta itu akan di-lelong semua.